

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN (ROMPIN)

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai cadangan Kementerian untuk meminda perlembagaan berkaitan taraf kewarganegaraan secara undang-undang kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri bersimpati dengan kes-kes ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara yang melahirkan anak di luar negara kerana perlembagaan tidak memperuntukkan untuk anaknya diberikan taraf kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang. Namun demikian, Kementerian terikat dengan Perlembagaan dan perundangan sedia ada dalam negara berhubung dengan kewarganegaraan yang diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964].

Kementerian berada dalam keadaan terhimpit di atas keputusan

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Suriani Kempe & 6 lagi - lawan- Kerajaan Malaysia dan juga kes Mahisha Sulaiha Abdul Majeed -lwn- Ketua Pengarah Pendaftaran Negara & 2 Lagi berhubung isu pentafsiran perkataan "bapa" dalam Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c) Perlembagaan Persekutuan. Keputusan kes ini menyebelahi Kerajaan dan telah dibuat rayuan oleh Mahisha Sulaiha Abdul Majeed kepada Mahkamah Rayuan dan akan dibicarakan pada bulan November 2021.

Setelah menerima keputusan yang berbeza Kementerian bercadang untuk membawa perkara ini bagi mendapat polisi baharu Kerajaan untuk meminda perlembagaan bagi pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf bukan warganegara secara kuat kuasa undang-undang.

Dalam masa yang sama perkara ini perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja selaras dengan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan. Oleh demikian, Kementerian telah mengambil keputusan untuk merayu dan memohon *stay of execution* (iaitu penangguhan pelaksanaan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Suriani Kempe & 6 lagi - lawan- Kerajaan Malaysia) bagi mengelakkan *contempt of court* dan pada masa yang sama supaya tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan.